


6 LEBIH BANYAK "WAIN YANG MEMABUKKAN"

TIGA MALAIKAT DAN ANDA



Pencarian Benedicto

WAHYU 14 PANDUAN ALKITAB UNTUK KANAK-KANAK

OLEH RANDY FISHELL





Pencarian Benedicto

Saya suka pergi ke gereja pada hari Ahad dan berlutut di hadapan mezbah, Benedicto berfikir. Saya berasa baik dan "bersih" apabila saya keluar dari gereja. Tetapi semakin dia berusia, Benedicto menjadi tidak berpuas hati dengan kehidupan gerejanya. Saya tahu! dia fikir. Saya akan mula melawat gereja-gereja lain pada pagi Ahad. Dia melakukan semua itu, tetapi nampaknya tidak ada yang memuaskan dia.

Suatu malam, Benedicto bermimpi. Di dalamnya, dia melihat sebuah gereja lama tanpa nama. Di dalam gereja seorang lelaki sedang berkhotbah. "Inilah kebenaran", kata lelaki itu. Ketika Benedicto terbangun, dia berfikir, Di mana gereja itu? Saya tidak pernah melihat apa-apa seperti itu di sekitar sini.

Benedicto mula membaca Alkitab bagi dirinya sendiri. Dengan terkejut, dia mendapati bahawa Sabat Tuhan adalah hari ketujuh dalam minggu, bukan hari Ahad, hari pertama dalam minggu. Saya akan memelihara Sabat hari ketujuh walaupun hanya saya satu-satunya orang di seluruh dunia yang melakukannya! dia fikir.

Apabila Benedicto memberitahu majikannya bahawa dia tidak lagi boleh bekerja pada hari Sabtu, dia kehilangan pekerjaannya. Tidak lama kemudian seorang kawan berkata dia memerlukan bantuan. Benedicto pergi bekerja untuknya, tetapi dia tidak berkata apa-apa tentang tidak bekerja pada hari Sabtu. Pada lewat petang Jumaat, tepat ketika Benedicto hendak membangkitkan topik itu, majikannya berkata, "Kamu tidak perlu datang bekerja esok, Benedicto. Ini kerana, hari ketujuh adalah hari Sabat Tuhan."

Mata Benedicto terbeliak. "Tuan, awak juga memelihara hari Sabat?" Dia bertanya dengan terkejut. "Saya fikir saya satu-satunya di seluruh dunia yang tahu mengenainya!"

Keesokan harinya Benedicto mengikuti majikan barunya ke gereja. Gereja itu adalah gereja dari mimpinya, dan begitu juga pendetanya! Benedicto telah menemui rumah gereja barunya, sebuah gereja yang memelihara dan menguduskan hari Sabat sejati Tuhan.*

Anda Berbakti Pada Hari *Apa?*

Mengapakah kebanyakan orang Kristian sekarang pergi ke gereja pada hari Ahad? Sebab utama adalah kerana mereka telah diberitahu bahawa hari Ahad sekarang adalah hari Sabat. Kononnya, ini adalah untuk menghormati kebangkitan Yesus dari kubur pada hari pertama dalam minggu—Ahad. Ini sering dipanggil Hari Tuhan.

Kuiz Kilat!

1. **Benar atau Salah**
Matius 12:8 berkata, “kerana Anak Manusia ialah Tuhan atas hari Ahad.”
2. **Aneka Pilihan**
Menurut Kejadian 2: 2, 3, pada akhir minggu penciptaan, Tuhan memberkati
(a) hari pertama, (b) hari ketiga, (c) hari kelima, (d) hari ketujuh.
3. **Yesaya 58:13, 14 dengan jelas menunjukkan bahawa _____ adalah hari kudus Tuhan.**

Sebagai peringatan, inilah mesej malaikat kedua dari Pelajaran 5:


“Datanglah malaikat kedua yang berkata, ‘Kota Babel sudah jatuh! Kota besar itu sudah jatuh! Perbuatan cabul kota Babel merosakkan semua bangsa, seperti wain yang memabukkan mereka’” (Wahyu 14:8).

“Wain yang memabukkan” adalah simbol ajaran rohani yang salah. Berbakti pada hari Ahad dan bukannya pada hari Sabat yang ketujuh adalah sesuai dengan penerangan itu. Alkitab jelas menyatakan bahawa hari ketujuh dalam minggu adalah hari istimewa Tuhan. Oleh itu, Setan melakukan pekerjaannya, mencuba untuk memesongkan orang-orang dari kebenaran tentang Sabat.



Lama kelamaan, dia mempengaruhi kuasa-kuasa rohani di bumi sehingga akhirnya “Kebenaran dicampakkannya ke bumi” (Daniel 8:12, AVB).

Baca Daniel 7:25. Ayat ini adalah sebahagian daripada nubuatan Alkitab. Apakah yang kuasa-kuasa roh di bumi mahu diubah? Isi ruang kosong, menggunakan gambar sebagai petunjuk.



"... mengubah _____
dan _____."

Dalam bahasa Perjanjian Lama Alkitab, ini dengan mudah termasuklah percubaan untuk menukar Sabat hari ketujuh kepada hari Ahad.

Baca 2 Tesalonika 2:7. Menurut rasul Paulus, apakah yang menyebabkan penipuan rohani? Bermula dengan huruf pertama di sebelah kiri bawah, baca atau sambung huruf-huruf dengan cara zig-zag. Tulis jawapannya di garisan kosong.

U S R H I P L N G R N U U
K A A A S A E A G A A H K M



Lihatlah pada Hukum Sepuluh yang terdapat dalam Keluaran 20, kemudian bulatkan hukum yang menjelaskan apa hari dalam minggu yang merupakan hari Sabat sebenar Tuhan.

Bagaimanakah anda akan meraikan dan menghormatinya minggu ini?

Siapakah yang menukar hari Sabat kepada hari Ahad?

Selepas kematian dan kebangkitan Yesus, maharaja Rom dan pemimpin-pemimpin lain mula menganiaya orang-orang Kristian. Menyerah kepada tekanan, beberapa orang Kristian ini mula berbakti pada “hari matahari” Rom, atau hari Ahad (Dalam bahasa Inggeris, hari Ahad dipanggil Sunday, di mana dengan jelas menunjukkan bahawa sun adalah matahari dan day adalah hari).

Akhirnya, pada tahun 321 M, maharaja Rom Constantine menandatangani undang-undang pertama yang menyatakan bahawa Ahad secara rasmi adalah hari suci di empayar Rom. Ia sepatutnya menjadi hari rehat bagi kebanyakan orang, tetapi undang-undang mengatakan bahawa petani boleh terus bekerja.

Api Yang Marak Selamanya

Mungkin anda pernah melihat tanda yang kelihatan seperti ini:

Jika anda mati pada hari ini, di manakah anda akan menghabiskan keabadian?

Tanda-tanda seperti ini dimaksudkan untuk mengejutkan atau bahkan menakutkan seseorang untuk melayani Tuhan. Dengan cara ini, apabila orang itu mati, mereka akan hidup dengan gembira di syurga selama-lamanya dan bukannya dibakar dalam tempat yang dipanggil neraka. Tetapi, adakah ini yang diajarkan Alkitab?

Kebanyakan orang memetik ayat ini apabila bercakap tentang orang yang terbakar selama-lamanya di neraka:


“Semua orang itu akan diseksa di dalam api dan belerang di hadapan malaikat-malaikat suci dan Anak Domba. Asap api yang menyeksa mereka akan mengepul terus-menerus untuk selama-lamanya” (Wahyu 14:11).

Nampaknya cukup jelas, bukan? Orang jahat akan dibakar selama-lamanya! Nanti dulu! Kadang-kadang ia boleh menjadi sukar untuk memahami apa yang penulis Alkitab sebenarnya ingin katakan. Lagipun, Buku ini ditulis pada suatu masa dahulu oleh orang yang sering berfikir, bertutur, dan menulis dengan cara yang berbeza dari kita. Tetapi itu tidak bermakna kita tidak boleh tahu tentang kebenaran.

Pertama sekali, tidak ada sebutan tentang "neraka" dalam ayat ini. Dan fikirkan ini juga: Pernahkah anda mengenali seseorang yang menyesal atas sesuatu yang telah dilakukannya atau diucapkannya? Jika ia adalah satu kesilapan yang sangat buruk, hati nurani mereka mungkin telah "menyeksa" mereka. Itulah sesuatu yang akan berlaku kepada orang-orang yang telah memilih untuk mengikuti ajaran palsu "Babel". Mereka menyesal mengikut ajaran ini dan pada satu jangka masa, mereka akan merasakan kesengsaraan secara mental dan bukan penyeksaan jasmani.

Sudah tentu, pada satu masa nanti, semua mereka yang telah memilih jalan Setan dan bukannya jalan Tuhan akan ditangani. Adakah itu masanya untuk hukuman kekal di neraka dilaksanakan? Sekali lagi, Alkitab datang menyelamatkan! Pilih frasa yang betul dari Bank Frasa untuk mengisi kata-kata di halaman seterusnya dan temukan kebenaran Alkitab yang penting.

Apakah Sebenarnya Neraka? Apabila bercakap tentang neraka, adalah penting untuk mengumpulkan semua ayat-ayat Alkitab mengenai subjek ini. Sesudah berbuat demikian, kita mendapati bahawa sebaliknya satu tempat yang nyata, neraka mungkin lebih sesuai dilihat sebagai satu perwakilan bagi kepupusan orang fasik. Anda tidak akan menemui tanda di tengah-tengah bumi atau jauh di luar angkasa yang berbunyi "Selamat Datang Ke Neraka, Tempat Yang Baik Untuk Dibakar Selamanya."



Bank Frasa

New York, Los Angeles

Buenos Aires, Brasilia


Quezon City, Manila

Sodom, Gomora

Moscow, St. Petersburg

Accra, Kumasi





“Begitu juga halnya dengan para penghuni kota _____, _____ dan bandar-bandar di sekitarnya ... Mereka menjadi contoh orang yang mengalami seksaan hukuman api yang kekal.” (Yudas 1:7)

S: Adakah ada api terbakar di sana hari ini?

J: Tidak. (Lihat 2 Petrus 2:6.)

Penulis-penulis Alkitab ingin kita memahami dari Wahyu 14:11 bahawa orang jahat akan dibinasakan sekali untuk selama-lamanya, bukan disiksa selama-lamanya! Lagipun, Roma 6:23 berkata, “Kematian adalah upah dosa,” bukan kehidupan yang berkekalan di neraka!

Copyright © 2022 by the General Conference Corporation of Seventh-day Adventists®
Produced by the General Conference Children's Ministries Department
Published by the Review and Herald® Publishing Association
Printed by Alpha Impressions, Inc.

Printed in the United States of America
All Rights Reserved

The author assumes full responsibility for the accuracy
of all facts and quotations as cited in this study guide.

Study guides by Randy Fishell
Design by Daniel Añez
Illustrations by Chris Danger

All Scripture quotations are from the New International Version (NIV) Holy Bible,
New International Version®, copyright © 1973, 1978, 1984, 2011 by Biblical, Inc.®

Used by permission. All rights reserved worldwide.

June 2022

www.faithfinders.com

Jawapan: Kuiz Kilat!: 1. F, 2. (d), 3. Hari Sabat; Daniel 7:25: WAKTU dan HUKUM; 2 Tesalonika 2:7: KUASA RAHSIA PELANGGARAN HUKUM; Hukum Sepuluh bulatkan 4; Sodom dan Gomora.



Adventist[®]
Children's Ministries
GENERAL CONFERENCE WORLD HEADQUARTERS